



# Piala Suzuki AFF

## dipamerkan di Muzium Negara

Pencinta bola sepak tempatan berpeluang melihat sendiri kronologi kejayaan bersejarah skuad bola sepak negara yang menjulang Piala Suzuki AFF 2010 pada pameran khas yang diadakan di Muzium Negara bermula pada 29 Januari hingga 28 Februari 2011. Pameran ini memberikan peluang kepada orang ramai melihat sendiri piala yang menjadi rebutan pasukan rantau Asia Tenggara itu. Turut dipamerkan ialah Piala Anugerah Penjaring Gol Terbanyak milik Safee Sali dan jersi yang digunakan oleh tiga tonggak kebangsaan dalam perlawanan akhir kejohanan tersebut, iaitu jersi penjaga gol, Khairul Fahmi Che Mat dan dua penyerang sensasi, Safee Sali serta Norshahrul Idlan Talaha.

Pameran ini diadakan bagi memberikan pengiktirafan kepada Skuad Harimau Malaya yang telah menempa kejayaan menyandang Piala Suzuki AFF yang telah ditunggu seluruh rakyat Malaysia selama 14 tahun. Tujuan utama pameran ini diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi semangat pasukan bola sepak kebangsaan untuk lebih berjaya pada masa akan datang. Antara yang dipamerkan termasuklah koleksi keratan akhbar, koleksi gambar dan tayangan video perlawanan yang melibatkan Harimau Malaya.



Piala Suzuki AFF 2010 telah menarik pengunjung untuk ▶  
melawat pameran tersebut di Muzium Negara.

▼ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM  
bersama-sama Pengurus, Jurulatih dan Pemain Pasukan  
Bola Sepak Malaysia.





Sepanjang tempoh pameran ini diadakan di Muzium Negara, turut disediakan gerai menjual produk bola sepak seperti baju, jersi kebangsaan dan pelbagai cenderahati eksklusif. Pameran ini dibuka setiap hari Sabtu dan Ahad selama sebulan. Selain itu, pengunjung juga berpeluang menyertai beberapa aktiviti sampingan seperti permainan 'Play Station 3' dan gaya bebas bola sepak. Majlis pelancaran tersebut telah diadakan pada 29 Januari 2011 di Muzium Negara yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), YBhg Datuk Azzuddin Ahmad, pengurus pasukan kebangsaan, YBhg Datuk Subahan Kamal dan jurulatih K. Rajagobal serta Pemain Pasukan Bola Sepak Negara.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM bersama-sama dengan YBhg. Datuk Azzuddin Ahmad, Setiausaha Agung FAM semasa sidang media.



▲ Pameran Piala Suzuki AFF 2010 yang diadakan di Muzium Negara.

▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail Ketua Pengarah JMM bersama-sama dengan pegawai-pegawai FAM dan pemain bola sepak negara.

Piala Anugerah Penjaring Gol > Terbanyak milik Safee Sali.







## Sidang redaksi

**Penasihat**

Dato' Ibrahim bin Ismail

**Ketua Editor**

Wan Jamaluddin bin Wan Yusuf

**Editor**

Haji Zawawi bin Haji Itam Osman  
Kamarul Baharin bin A. Kasim  
Mohd Azmi bin Mohd Yusof  
Zanita binti Anuar

**Penyelaras**

Bahagian Penyelidikan

**Reka Bentuk & Reka Letak**

Nor Hasni binti Che Hassan  
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

**Fotografi**

Sumber Media

**Edaran**

Unit Perpustakaan

**Diterbitkan oleh**

Jabatan Muzium Malaysia,  
Jalan Damansara,  
50566 Kuala Lumpur.  
Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255  
Faks: (+603) 2282-6434  
<http://www.jmm.gov.my>

**Dicetak oleh**

Blue -T Communication Sdn. Bhd.,  
4-1, Jalan Wangsa Setia,  
35330 Wangsa Melawati, Kuala Lumpur.  
Tel.: (+603) 4149 4119

**BERITA JMM**

diterbitkan tiga bulan sekali. Pendapat dan cadangan yang tersiar dalam apa jua bentuk tidak semestinya mencerminkan pendapat dan cadangan pengurusan JMM. Kandungan yang diterbitkan boleh disiarkan semula dengan izin Editor Berita JMM. Sidang redaksi mengalu-alukan berita dan rencana yang padat serta ringkas daripada kakitangan jabatan. Sidang redaksi berhak mengedit bahan tersebut.

## Perutusan Ketua Pengarah



Institusi per muziuman telah mengalami perubahan mengikut arus pemodenan yang berkembang pesat bagi memenuhi tuntutan masyarakat. Muzium tidak boleh lagi bergantung pada fungsi tradisionalnya seperti mengumpul, memelihara, mendokumentasi dan menyebarkan ilmu pengetahuan semata-mata. Sebaliknya, institusi muzium harus bertanggungjawab mengubah paradigma dengan menetapkan matlamat untuk menyeimbangkan peninggalan tradisional dengan kemajuan teknologi, memberikan pendidikan yang berkesan kepada masyarakat, berperanan memupuk perpaduan kaum dan menjana industri pelancongan.

Lantaran itu, kesungguhan dan dedikasi warga muzium amat diperlukan bagi memastikan kerja-kerja berkaitan per muziuman dilakukan dengan sistematik dan bersepadu. Hakikatnya profesion per muziuman di negara ini mampu dipertingkatkan dengan komitmen semua pihak yang mendokong institusi ini dan memahami perlunya meletakkan muzium bertaraf dunia. Bagi memenuhi impian tersebut, muzium-muzium di negara ini diharap dapat menambahkan aktiviti kreatif dan inovatif yang berkemampuan menarik perhatian masyarakat umum datang ke muzium seiring dengan perkembangan mutakhir dalam dunia per muziuman yang menyaksikan keunggulannya terutama dalam kalangan negara maju.

Tahun 2011 membawa lembaran dan cabaran baharu kepada kita semua, sama ada secara individu mahupun sebagai warga muzium. Kita mesti bersedia menghadapi cabaran dengan minda terbuka dan sikap positif. Saya berharap semua warga muzium menyambut tahun 2011 dengan azam baharu untuk menjadi individu yang lebih berilmu dan cemerlang. Marilah kita bertekad untuk bekerja dengan lebih tekun, berintegriti dan komited demi masa depan muzium, masyarakat dan negara kita yang tercinta.

"Kunjungilah Muzium"

Dato' Ibrahim bin Ismail

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan,  
Malaysia





▲ YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri KPPK disambut oleh YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM.

## Lawatan Kerja

# YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim ke Muzium Tekstil Negara

**Muzium Tekstil Negara** merupakan sebuah muzium khusus yang berperanan mengumpul, menyelidik, memelihara, mendokumentasi dan mempamerkan koleksi tekstil negara. Muzium ini ditubuhkan berdasarkan kepada pengamatan dan kesedaran bahawa keunikan, kehalusan dan nilai estetika yang terdapat pada koleksi tekstil yang terdapat di Malaysia terutama hasil kerja tangan tradisional oleh masyarakat berbilang etnik seperti Melayu, Cina, India, Orang Asli, Pribumi Sabah dan Sarawak adalah tidak ternilai harganya dan perlu dipelihara sebagai warisan kebangsaan.

Pada 17 Januari 2011, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah mengunjungi Muzium Tekstil Negara di Jalan Hishamuddin Kuala Lumpur. Kedatangan beliau adalah bertujuan melawat pameran di galeri tetap yang telah dinaik taraf dan juga untuk mengikuti perkembangan aktiviti MTN.

Pelbagai idea, cadangan dan halatuju muzium dibincangkan dalam lawatan ini. Lawatan YB Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ini jelas menggambarkan keprihatinan dan minat beliau terhadap aspek sejarah dan budaya khususnya tekstil negara.



▲ Pengarah Muzium Tekstil Negara memberikan penerangan kepada YB Menteri.



Majlis Pelancaran

# Pameran Setem 1Malaysia Satu Dunia

Pada 18 Januari 2011 YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia telah melancarkan Pameran Setem 1Malaysia Satu Dunia di Dataran Muzium Negara, JMM. Pameran tersebut diadakan oleh JMM dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Pos Malaysia dan Persatuan Filateli Malaysia. Pada majlis itu, beliau turut melancarkan koleksi setem terbaharu Pos Malaysia bertemakan Haiwan Peliharaan Kanak-Kanak seperti anab, kucing dan anjing dengan denominasi 60 sen, 80 sen dan RM1.

YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ketika merasmikan Pameran Setem 1Malaysia Satu Dunia.



▲ YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK ketika merasmikan Pameran Setem 1Malaysia Satu Dunia.

Pameran ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Jiwa Muda, Flora Fauna dan Kenali Dunia yang ditukar temanya setiap bulan. Sebagai contoh, jiwa muda memaparkan koleksi setem alat muzik dari seluruh dunia yang tidak pernah dijumpai di Malaysia, flora fauna pula mempamerkan alam semula jadi dan bunga seluruh dunia manakala kenali dunia pula mempamerkan adat budaya dan perayaan dunia.

Koleksi setem yang bertemakan Artifak Warisan Negara. ➤

Pameran yang berlangsung selama tiga bulan mulai 15 Disember 2010 hingga 15 Mac 2011 bertujuan meningkatkan kesedaran serta pengetahuan masyarakat mengenai setem dan filateli, selain memupuk minat mengumpul setem. Selain itu, pameran ini juga bertujuan memperkenalkan semula hobi mengumpul setem yang semakin dilupakan, khususnya dalam kalangan generasi muda. Kira-kira 50,000 setem dari seluruh dunia dipamerkan termasuk dari negara ini yang mencerminkan aspirasi 1Malaysia, menerusi koleksi yang memaparkan keunikan setiap bangsa dan kaum.





# PENERIMAAN DARJAH KEBESARAN



Sempena Ulang Tahun Keputeraan yang ke-80, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Shah telah berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran "Dato' Sri" kepada YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), dan Darjah Kebesaran Mahkota Pahang, Darjah Seri Indera Mahkota Pahang (SIMP) yang membawa gelaran "Dato" kepada



▲ YBhg Dato' Sri Kamaruddin Siaraf menerima pingat kebesaran SSAP daripada DYMM Sultan Pahang.



▲ YBhg Dato' Ibrahim Bin Ismail sedang menerima pingat kebesaran SIMP daripada KDYMM Sultan Pahang.

YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM. Istiadat tersebut telah berlangsung pada 24 Oktober 2010 di Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang.

## Bengkel dan Sesi Perbincangan Perancangan dan Pelaksanaan Projek bagi Siling Peruntukan **2011-2012**

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Bengkel dan Sesi Perbincangan Perancangan dan Pelaksanaan Projek bagi Siling Peruntukan 2011-2012 bermula pada 26 - 27 Januari 2011 bertempat di Avillion Admiral Cove Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Pemukiman yang berlangsung selama dua hari itu bertujuan membincangkan perancangan dan pelaksanaan projek bagi siling peruntukan 2010-2011 Jabatan Muzium Malaysia selaras dengan visi dan misi Kementerian.

Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah JMM, Haji Zawawi bin Haji Itam Osman dan dihadiri oleh pegawai pengurusan kanan jabatan seramai 19 orang bagi membincang dan merancang pelaksanaan projek di bawah RMK-10. Turut dibincangkan berkenaan dengan jadual pelaksanaan dan unjuran aliran tunai 2011.

Bengkel dan sesi perbincangan ini diadakan untuk memaklumkan serta mengadakan perbincangan dengan Ketua-ketua Program dan Pengarah JMM Wilayah merangkumi tiga aspek utama dalam Perancangan dan Pelaksanaan Projek di bawah RMK-10, iaitu:

- i. Mengetahui pasti projek-projek dan peruntukan yang diluluskan oleh EPU bagi tahun 2011 dan 2012 serta butiran pecahannya.
- ii. Memastikan projek, komponen projek dan skop projek yang akan dilaksanakan.
- iii. Merancang jadual dan tempoh pelaksanaan projek berdasarkan kepada peruntukan yang disediakan bagi tahun semasa.
- iv. Menyediakan perincian spesifikasi (BQ) serta menentukan mekanisme dalam melaksana dan memantau projek-projek pembangunan.

Keseluruhan bengkel dan sesi perbincangan Perancangan dan Pelaksanaan RMK-10 2011-2012 bagi JMM ini telah berjalan dengan baik dan lancar. Peserta-peserta telah memberikan buah fikiran dan sumbangsaran yang bernas dalam sesi-sesi perbincangan. Cadangan-cadangan projek dan komponen projek telah mendapat persetujuan bersama dan bentuk tindakan yang perlu dilakukan bagi setiap pegawai yang terlibat.



## PEMUKIMAN CADANGAN PEMBANGUNAN MUZIUM ALAM SEMULA JADI



▲ Sesi sumbangsaran dilakukan sepanjang tempoh penganiuran Pemukiman Cadangan Pembangunan Muzium Alam Semula Jadi.

Cadangan penubuhan Muzium Alam Semula Jadi telah menjadi agenda perjuangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sejak beberapa Rancangan Malaysia yang lepas. Penubuhan Muzium Alam Semula Jadi amat penting untuk membolehkan Malaysia memiliki sebuah muzium yang akan mempamerkan dan memulihara khazanah warisan alam semula jadi negara yang semakin diancam kepupusan.

Seiring dengan hasrat tersebut, JMM telah menganiurkan Pemukiman Cadangan Pembangunan Muzium Alam Semula Jadi Presint 5 Putrajaya dari 10 - 12 Mac 2011 di Allson Hotel Putera, Nilai. Pemukiman berkenaan yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan) bermatlamat untuk membincangkan dan memutuskan bentuk tindakan yang perlu diambil oleh JMM bagi menggerakkan penubuhan Muzium Alam Semula Jadi menerusi kaedah Pembiayaan Inisiatif Swasta (PFI). Program pemukiman diisi dengan pembentangan oleh Encik Ahmad Zamri bin Khairuddin, Pengarah Seksyen Dasar, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri serta perbincangan berkumpulan yang disusuli dengan pembentangan oleh setiap kumpulan. Pada akhir sesi, pihak Urus Setia telah berhasil mendokumentasikan draf kertas

pembentangan yang kelak akan dilengkapkan lagi dengan dokumen berkaitan sebelum dibentangkan kepada UKAS.

Pada hari terakhir pemukiman, satu lawatan ke tapak cadangan penubuhan Muzium Alam Semula Jadi di Presint 5 Putrajaya telah diadakan.



▲ Sesi perbincangan berkumpulan merupakan salah satu tentatif program pemukiman.



▲ Lawatan ke tapak cadangan penubuhan Muzium Alam Semula Jadi.



# Program Jom Santa

Jabatan Muzium Malaysia terus bergerak aktif untuk menyemarakkan 21 buah muzium persekutuan di seluruh negara. Ia selaras dengan matlamat jabatan yang ingin menjadikan muzium destinasi yang bukan sahaja dikunjungi sekali tetapi berulang kali. Bermula pada Disember 2010, program penjelajahan ke seluruh muzium telah pun diatur dalam usaha menjadikan muzium sebagai tarikan pelancongan dengan melibatkan penyertaan pelbagai pihak seperti media, agensi pelancongan, perhotelan dan persatuan pemandu teksis.

Program yang dinamai Jom Santai Bersama Media ini telah dimulakan di Galeria Perdana Langkawi pada 30 Disember 2010 hingga 2 Januari 2011.

Galeria Perdana yang terletak di Kilim, Langkawi merupakan sebuah galeri yang menyimpan sebanyak 9155 hadiah yang pernah diterima oleh YABhg. Tun Mahathir Mohammed, Perdana Menteri yang keempat daripada pembesar negara lain, syarikat korporat, termasuklah pemberian kecil daripada kanak-kanak. Antara koleksi unik yang terdapat di bangunan dua tingkat dengan seni bina Timur ini termasuklah lukisan, kraftangan, sijil penghargaan, barangan kristal dan seramik, plak kereta serta kad ucapan.

Antara aktiviti yang diadakan bersempena dengan program ini ialah demonstrasi membuat kraftangan melalui surat habar lama, aktiviti memasak bubur Asyura secara gotong-royong, dan demonstrasi membuat kuih loyang dan peniarom. Selain berpeluang mencuba memasak makanan tradisional, pengunjung juga menikmati keenakannya secara percuma.

Program Jom Santai Bersama Media seterusnya diadakan pada 11 - 13 Februari 2011 di Muzium Perak. Objektif utama program ini diadakan untuk memberi maklumat kepada rakan media dan wartawan mengenai keunikan dan keistimewaan Muzium Perak, Muzium Matang dan Muzium Arkeologi Lenggong. Selain itu, ia juga bertujuan mempromosi muzium-muzium tersebut.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail pada 11 Februari 2011. Antara aktiviti yang dijalankan seperti demonstrasi dan jualan makanan, jualan hasil kraf, demonstrasi dan pertandingan permainan tradisional, pameran kerjaya permuziuman, demonstrasi pembersihan artifak dan pertunjukan ular.

YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM sedang menguji kebolehan menyumpit. ➤





# ai Bersama Media



▲ Rakan media sedang menemu ramah penjual kraftangan di gerai Jom Santai.



▲ Sesi sidang media bersama-sama YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM.



▲ Antara aktiviti yang dijalankan bagi memeriahkan Program Jom Santai Bersama Media @ Muzium Perak



# SUKARELAWAN MUZIUM

## Sejarah dan Latar Belakang

Pasukan Sukarelawan Muzium bermaksud ahli-ahli yang berkhidmat secara sukarela tanpa mendapat sebarang ganjaran dalam bentuk wang tunai, namun menjalankan aktiviti permuziuman secara percuma seperti lawatan berpandu kepada para pengunjung dengan memberikan penerangan mengenai pameran tetap dan sementara di muzium. Tujuan utama sukarelawan muzium ditubuhkan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai muzium, serta memberikan penghargaan dan pemahaman mengenai budaya Malaysia. Pasukan Sukarelawan Muzium Negara telah ditubuhkan secara rasmi di Muzium Negara pada 19 April 2007 dan menjalankan perkhidmatannya hanya di Muzium Negara. JMM telah menubuhkan Unit Sukarelawan Muzium dan Pengacaraan bagi menyelaras dan membantu sukarelawan dalam aktiviti seharian yang dijalankan.

Semenjak pasukan sukarelawan ditubuhkan, mereka telah memainkan peranan yang aktif dalam menjalani pelbagai aktiviti permuziuman seperti mengadakan lawatan berpandu mengikut bahasa, iaitu bahasa Inggeris setiap hari (kecuali Ahad) jam 10 pagi, Bahasa Perancis pada hari Selasa dan Khamis jam 10 pagi, bahasa Jepun pada hari Khamis jam 10 pagi dan pada minggu ketiga setiap hari Sabtu pukul 10 pagi. Program lawatan berpandu dalam bahasa-bahasa yang ditetapkan juga disediakan berdasarkan permintaan. Pemandu pelancong juga boleh diatur untuk Kedutaan Besar, syarikat dan sekolah.





# SUKARELAWAN MUZIUM @ MAJLIS GRADUASI

Pada 5 Mac 2011, Majlis Graduasi Sukarelawan Muzium telah diadakan di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Majlis ini bertujuan memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada 40 orang sukarelawan muzium atas komitmen mereka terhadap usaha memberikan kesedaran tentang kepentingan muzium sebagai institusi pembelajaran tidak formal, mempromosikan muzium dan menyemai semangat cinta akan negara. Majlis Graduasi ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail dan turut dihadiri oleh 150 orang sukarelawan muzium.



▲ Sukarelawan muzium memberikan pandangan terhadap program anjuran muzium.



▲ YBhg. Dato Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM memberikan cenderahati sebagai penghargaan kepada salah seorang sukarelawan muzium.



Tugas sukarelawan muzium itu seakan-akan tugas seorang pemandu pelancong tetapi lebih tertumpu kepada konsep penceritaan, sejarah artifak dan warisan negara secara lebih terperinci. Mereka yang berminat untuk menjadi sukarelawan muzium perlu mengikuti sesi latihan bersama-sama pakar-pakar sejarah yang telah dilantik sebagai tenaga pengajar sebelum diiktiraf sebagai sukarelawan dan ditugaskan di mana-mana muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia. Sukarelawan Muzium terdiri daripada pelbagai bangsa/warganegara, antaranya Britain, Jepun, Perancis, New Zealand, Belanda, Iran, Itali, Hungary, Poland, Jerman, Finland dan Singapura.



Kebangkitan dan kehebatan pasukan Harimau Malaya di pentas bola sepak antarabangsa sehingga menjuarai pertandingan Piala AFF Suzuki 2010 banyak didorong oleh pelbagai faktor, antaranya sokongan padu oleh kelab penyokong tempatan yang bersatu hati bagi menyuntik semangat motivasi kepada para pemain. Justeru, bersempena dengan Pameran Bola Sepak Piala Suzuki AFF 2010 Kami Juara, maka pihak JMM mengatur satu acara bagi meraikan mereka. Program tersebut ialah "Sehari Bersama Kelab Penyokong Tempatan" yang diadakan pada 26 Februari 2011 jam 9 pagi hingga 4 petang di Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Penyokong bola sepak mengambil bahagian dalam ▶  
aktiviti sehari bersama Kelab Penyokong Bola Sepak  
Tempatan.



Sehari Bersama

# Kelab Penyokong Bola Sepak Tempatan



▲ Sebahagian daripada penyokong HKC yang hadir sedang mendengar taklimat ▶  
urus setia.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk  
meraikan penyokong tempatan yang menjadi antara  
elemen penting membantu kemenangan pasukan Harimau  
Malaya serta merapatkan hubungan antara pihak Muzium  
dan kelab penyokong melalui pendedahan pameran  
dengan aktiviti yang dilaksanakan.

Aktiviti yang dijalankan ialah Kembara Muzium yang  
melibatkan empat pasukan, iaitu HKC (Hijaukuning) - Kedah,  
JFC (Johor FC) - Johor, TGC - Pahang dan FELDA United. Di  
samping itu, diadakan juga pertandingan mewarna untuk  
kanak-kanak dari kelab penyokong bola sepak tempatan,  
pertandingan permainan congkak untuk wanita, PS3 serta  
jualan dan lelongan setem.



Peserta Kembara Muzium mendengar taklimat sebelum ▶  
aktiviti dimulakan.



# Program Sambutan **Maulidur Rasul**

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Jabatan 1432H/2011 yang bertemakan '1 Malaysia 1 Ummah' disambut meriah dengan penyertaan seluruh warga kerja Jabatan Muzium Malaysia pada 21 Februari 2011.

Pemilihan tema ini bertujuan menyeru seluruh umat Islam supaya bersatu dengan menyayangi agama, bangsa dan negara serta menanam azam bagi melahirkan satu ummah yang mampu membawa kedamaian dan keadilan berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah.



▲ Perarakan yang diketuai oleh Ketua Pengarah.

Perarakan yang dimulakan seawal jam 8.45 pagi itu diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail dan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan serta semua kakitangan Jabatan Muzium Malaysia. Perarakan bermula dari pintu gerbang Muzium Negara hingga ke Auditorium Jabatan Muzium Malaysia.

Majlis diteruskan lagi dengan ceramah agama yang bertajuk 'Integriti Rasulullah, Teladan Sepanjang Zaman' yang disampaikan oleh Ustaz Azhar bin Tuarni, iaitu Imam Masjid Negara yang dijemput khas.



▲ Warga kerja JMM yang turut serta memeriahkan Majlis Ceramah Agama yang berlangsung di Auditorium JMM.



▲ Peserta perarakan Maulidur Rasul sedang mendaftar untuk sesi ceramah di meja urus setia.



# Bengkel Membuat Boneka @ Muzium Negara

Muzium Negara telah menganjurkan Bengkel Boneka pada 12 Mac 2011 di Galeri 2, JMM. Bengkel ini dianjurkan bertujuan memberikan pendedahan kepada kanak-kanak tentang boneka dan cara membuat dan melakonkan boneka tersebut. Boneka atau patungan merupakan salah satu daripada permainan terawal yang dikenali oleh kanak-kanak. Boneka diperbuat dalam pelbagai bentuk dan rupa seperti manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh fasilitator yang dijemput khas, iaitu Encik Md. Shukri bin Edrus. Beliau telah memperkenalkan kepada kanak-kanak tentang jenis-jenis boneka, cara pembuatannya dan cara melakonkan boneka tersebut. Terdapat empat jenis boneka yang utama, iaitu boneka sarung tangan, boneka bertali, boneka batang dan boneka wayang. Encik Md. Shukri telah mengajar cara-cara membuat boneka batang dalam bengkel pertama ini. Peserta bengkel terdiri daripada kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun seramai 45 orang.



▲ Para peserta tekun menyiapkan boneka mereka.



▲ Para peserta sedang membuat kepala boneka.



▲ Para peserta teruja menyiapkan boneka masing-masing.



▲ Para peserta memperagakan boneka yang telah mereka hasilkan.

◀ En. Md. Shukri memberi tunjuk ajar cara-cara membuat boneka.



# Sesi Perjumpaan Pengurusan Tertinggi JMM Bersama Staf Sokongan 2

Pada 21 Februari 2011, satu sesi perjumpaan Pengurusan Tertinggi JMM Bersama Staf Sokongan 2 telah diadakan di Bilik Persidangan JMM. Sesi perjumpaan ini telah dihadiri oleh 47 orang Staf Sokongan 2. Sesi perjumpaan Pengurusan Tertinggi JMM Bersama Staf Sokongan 2 bagi sesi II pula telah diadakan pada 25 Februari 2011 yang dihadiri oleh 41 orang Staf Sokongan 2.

Tujuan utama sesi perjumpaan ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklum balas mengenai tugas-tugas yang dilaksanakan. Staf juga berpeluang untuk membangkitkan sebarang persoalan berkaitan tugas dan tanggungjawab yang diharapkan dapat diselesaikan oleh pihak pengurusan atasan jabatan. Di samping itu, sesi tersebut merupakan platform untuk mengeratkan silatur rahim antara staf dan pengurusan atasan. Hasil daripada sesi perjumpaan ini ialah masalah yang telah diutarakan oleh staf telah diselesaikan dengan segera.



▲ Pengarah Muzium Tekstil Negara memberikan penerangan kepada Staf Sokongan 2.



▲ Sesi lawatan Staf Sokongan 2 ke Muzium Tekstil Negara.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM sedang memberikan ucapan ketika Sesi Perjumpaan Pengurusan Tertinggi JMM Bersama Staf Sokongan 2.



▲ Staf memberikan perhatian terhadap amanat yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM



▲ Salah seorang Staf Sokongan 2 sedang mengutarakan soalan kepada Pengurusan Tertinggi JMM.



## Berita Be

JANUARI



▲ YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia memperkatakan sesuatu ketika lawatan beliau ke Muzium Tekstil Negara pada 17 Januari 2011.

JANUARI



▲ Aktiviti senam seni di Dataran Muzium Negara pada 25 Januari 2011.

FEBRUARI



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail sedang menyampaikan amanat beliau semasa Perhimpunan Jabatan di Auditorium JMM.

FEBRUARI



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail bersama-sama isteri beliau melakukan demonstrasi mengukir kelapa di Program Jom Santai yang berlangsung di Perak.

MAC



▲ Para graduan Sukarelawan Muzium bergambar bersama-sama Ketua Pengarah JMM di Majlis Graduasi pada 5 Mac 2011.

MAC



▲ Para peserta tekun mempelajari cara-cara menghias kek cawan ketika Kelas Dekorasi Kek Cawan anjuran Puspanita.



# Berita Bergambar

FEBRUARI



▲ YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia merasmikan Pameran Setem 1Malaysia Satu Dunia.

FEBRUARI



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM ditemuramah oleh wartawan TV3 mengenai Program Jom Santai di Perak.

FEBRUARI



▲ Penyokong bola sepak tempatan bergambar kenangan bersama-sama Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JMM semasa Program Sehari Bersama Kelab Penyokong Tempatan.

FEBRUARI



▲ Salah satu artifak yang dipamerkan di Pameran Batuan Pelik bertempat di Muzium Alam Semula Jadi telah berjaya menarik perhatian pengunjung. YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail sedang meneliti artifak yang dipamerkan.

MAC



▲ Mesyuarat Agung WARIS 2011 yang diadakan di Auditorium JMM pada 24 Mac 2011.

MAC



▲ Mesyuarat AJK PUSPANITA KPKK Bil. 3/2011 yang diadakan di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia dipengerusikan oleh YBhg. Datin Sri Rohayah Haron, Pengerusi Puspanita Cawangan KPKK.



National Textile Museum has organised Textiles Talks entitled Spotlight On South East Asian Tie Dyed Textiles on 28 March 2011 at Gallery Saindera, Level 2, National Textile Museum. The speaker was Dr. Gillian Green. This talk was started off with a basic description of the techniques and images of a number of textiles from Malaysia, Sumatera and Cambodia patterned in this technique. An outline of her research interest in these particular textiles which arose from a collection of textiles patterned by the plangi and tritik technique with pictorial scenes in the collection of the National Museum in Phnom Penh.



▲ Dr. Gillian was presenting her talk.

# Textile talks @ National Textile Museum



▲ Madam Janet was introducing the speaker.

The pictorial representations on these textiles, though with a Cambodian vision, seem to relate closely in subject matter to Javanese north coast batik cloth of the same era-late 19th/early 20th century. Others in this collection have geometric, non-pictorial patterns which relate to those on Sumatran plangi/tritik patterned textiles. This relationship is explored.

Dr. Gillian Green has a Master's degree in Art History from the Australian National University. She wrote the book "Traditional Textiles of Cambodia" which won the RL Shep award for 2004 awarded by the Textile Society of America. She has published articles in academic journals and lectured in Australia, the USA, UK and Southeast Asia. She is an Honorary Associate in the Department of Art History and Theory, University of Sydney, Australia.





▲Keindahan Kebaya Nyonya diperagakan dalam Pameran Kebaya Tales.

**Kebaya Nyonya** amat sinonim dalam kalangan Nyonya Melaka dan Pulau Pinang. Kebaya merujuk kepada pakaian tradisional yang dipakai oleh wanita Indonesia dan Malaysia. Pakaian ini diperbuat daripada kain kasa yang dipakai dengan sarung, batik atau pakaian tradisional yang lain seperti songket dengan motif warna-warni. Kebaya Nyonya diciptakan pertama kali oleh orangperanakan Melaka. Kini, Kebaya Nyonya sedang mengalami pembaharuan, dan juga terkenal dalam kalangan wanita bukan Asia.

# Pameran *Kebaya Tales* @ Muzium Tekstil Negara

Dengan objektif mengembalikan nostalgia masyarakat kepada keindahan Kebaya Nyonya, Muzium Tekstil Negara telah mengambil inisiatif mengadakan Pameran Kebaya Tales di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara mulai 8 Januari hingga 28 Februari 2011. Pameran ini mempamerkan pakaian Kebaya Nyonya bagi wanita Peranakan Cina dalam ideologinya yang tersendiri terutamanya dari sudut kepercayaan dan adat. Selain itu, dipaparkan juga keunikan seni sulaman dan kreativiti wanita Peranakan ini dalam seni jahitan. Koleksi yang dipamerkan merangkumi artifak dalam bidang seramik, peralatan dapur, perhiasan diri dan seni sulaman manik.



▲Pengunjung sedang melihat keunikan seni sulaman Kebaya Nyonya.



# Bengkel Konservasi Artifak

Institusi muzium bertanggungjawab mengekalkan budaya material yang menjadi bahan koleksinya dengan menggunakan kaedah-kaedah saintifik agar dapat diwarisi oleh generasi seterusnya. Koleksi artifak yang tersimpan di muzium mengandungi bahan-bahan organik dan bukan organik yang boleh mengalami kerosakan sekiranya tidak ditangani dengan sempurna mengikut kaedah-kaedah saintifik yang diperakukan oleh badan-badan antarabangsa. Kaedah tersebut dinamai konservasi.

Konservasi ialah pemeliharaan koleksi, iaitu bagaimana koleksi artifak yang disimpan di muzium dijaga dan dirawat agar tidak rosak dan bertahan hingga masa yang akan datang. Konservasi dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu konservasi preventif dan konservasi kuratif. Konservasi merupakan satu bidang yang agak baharu di Malaysia. Oleh yang demikian, Unit Latihan telah menganjurkan Bengkel Konservasi Artifak bagi memberi pendedahan tentang kepentingan bidang konservasi kepada kurator dan kakitangan muzium.

Bengkel Konservasi Artifak telah diadakan pada 21 - 25 Februari 2011 bertempat di Bilik Persidangan, Jabatan Muzium Malaysia. Encik Zamrul Amri bin Zakaria, Kurator Pusat Konservasi telah diundang sebagai tenaga pengajar bengkel tersebut yang dihadiri oleh 41 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan staf sokongan JMM. Objektif utama bengkel ini adalah untuk melatih pegawai dan staf JMM tentang teknik konservasi artifak yang betul.



▼ Peserta sedang mengaplikasi teknik konservasi artifak yang telah dipelajari.





# Pameran Batuan Pelik

## Muzium Alam Semulajadi, Putrajaya.

Bertempat di Muzium Alam Semula Jadi, Pameran Batuan Pelik telah diadakan bermula 16 Oktober 2010 hingga 16 Februari 2011. Himpunan 100 batuan pelik lain dari angkasa serta perut bumi, termasuk yang tertera lakaran kalimah Allah serta koleksi bekas Perdana Menteri, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad daripada Galeria Perdana di Langkawi yang merangkumi arca ukiran muka badut pada kepingan batu pasir, arca manusia pada batu vulkanik, azurit dan gipsium dapat disaksikan di pameran berkenaan.



▲ YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM turut tertarik dengan artifak yang dipamerkan.

Turut dipamerkan ialah artifak alat batu seperti kapak genggam dan alat genggam dipercayai berusia lebih 1.8 juta tahun yang ditemui di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak; batu batikam dan batu baling yang membawa bersamanya sejarah silam Adat Temenggung dan Perpatih. Begitu juga batu yang menyerupai kayu, lengkap dengan susunan lapisan yang unik. Himpunan batuan pelik yang telah dibawa khas dari Rusia, China dan Afrika Selatan bukan sahaja mempunyai nilai yang tinggi, malah turut digunakan untuk tujuan perubatan.

Pelbagai fosil kayu terpetri turut memikat pengunjung dengan keunikan strukturnya. Kayu berkenaan dipercayai terhasil daripada litupan bahan seperti abu serta lumpur gunung berapi, endapan dalam tasik serta belukar selain segala macam bahan yang dihanyutkan banjir besar. Begitu pun, bahan berkenaan berciri bebas oksigen yang diketahui punca utama pereputan berlaku.





# PENGLIBATAN JMM DALAM PMS 1Malaysia: *Kenduri Nasi Daun Pisang*

Program Merayakan Seni (PMS) adalah satu usaha bersekutu jabatan-jabatan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia bagi mengetengahkan produk seni budaya dan warisan kepada khalayak, terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam program PMS, acara muzik, sketsa, tarian, nyanyian, sajak, syarahan dan pelbagai ciri pementasan khas dihidangkan kepada khalayak dengan matlamat memperkenalkan, membimbing, meminati dan mengekalkan intisari dan daya tarikan seni dalam kehidupan rakyat.

Pada 28 Februari hingga 1 Mac 2011, PMS 1Malaysia: Kenduri Nasi Daun Pisang telah diadakan di Taman Air Rembau, Air Merbau, Melaka. Muzium Seni Bina Malaysia sebagai wakil Jabatan Muzium Malaysia turut membantu program ini bagi memberikan sokongan terhadap aktiviti dan program Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.

Penglibatan masyarakat tempatan yang terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India dalam program ini menggambarkan semangat 1Malaysia yang telah sebatikan dalam hati sanubari rakyat Malaysia. Menariknya, lebih 500 helai daun pisang yang digunakan sempena kenduri ini disumbangkan oleh penduduk. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz.



▲ YB Senator tertarik dengan pameran mengenai sejarah Muzium Seni Bina Malaysia.



▲ YB Senator bergambar bersama-sama wakil MSBM dan penduduk tempatan.



▲ YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bersama-sama masyarakat tempatan menikmati nasi daun pisang.



# Mesyuarat Agung PUSPANITA ke-28 Tahun 2011

## Cawangan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Mesyuarat Agung PUSPANITA KPKK ke-28 telah diadakan pada 31 Mac 2011 bertempat di Amphitheatre, Kompleks Kraf, Jalan Conlay bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Mesyuarat Agung PUSPANITA KPKK ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr binti Rothiah Omar selaku wakil Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia merangkap Penasihat PUSPANITA KPKK. Turut diadakan penyampaian Anugerah Cemerlang UPSR/PMR/SPM 2010 bagi anak-anak ahli PUSPANITA. Seramai tiga orang anak cemerlang ahli PUSPANITA Jabatan Muzium Malaysia telah layak menerima sumbangan :

- a) Fatin Farhana binti Mohamad Hilmi      PMR 8A  
(Ibu : Puan Che Rohani binti Darus)
- b) Noor Fara Idayu binti Abdullah      PMR 8A  
(Ibu : Puan Zainab binti Ibrahim)
- c) Muhammad Haidhar bin Dato' Ibrahim      SPM 10A  
(Ibu : YBhg. Datin Hafidzah binti Ab Manaf)

Selain acara penyampaian anugerah, ahli-ahli yang hadir turut berpeluang mendengar Ceramah Keselamatan Siber. Majlis diteruskan dengan Mesyuarat Agung yang dipengerusikan oleh YBhg Datin Rohayah binti Harun, Pengerusi PUSPANITA KPKK. Beliau dan Ahli Jawatankuasa Induk telah membentangkan minit mesyuarat ke-27 tahun 2010, laporan aktiviti 2010 dan laporan kewangan 2010. Tiada usul yang diterima dalam mesyuarat kali ini.





# Kursus Asas Penyediaan Pameran



▲ Peserta didedahkan dengan amalan dan teknik membangunkan pameran oleh Encik Azmi bin Ismail, salah seorang tenaga pengajar.

Kursus Asas Penyediaan Pameran telah diadakan di Bilik Persidangan JMM pada 28 Februari hingga 03 Mac 2011. Objektif kursus ini ialah memahami konsep perancangan pameran dari aspek permuziuman dan perkembangan terkini dalam bidang ini. Selain itu, penganjuran pameran ini dapat memberikan pendedahan kepada peserta mendalami kemahiran merancang pameran mengikut standard piawaian ICOM dan seluruh dunia.

Kakitangan yang menyertai kursus ini dapat memantapkan pengetahuan dalam etika pengisian pameran mengikut kaedah yang diguna pakai di seluruh dunia serta memahami keperluan, standard dan amalan terbaik dalam merancang dan membangunkan pameran yang berkualiti.

▼ Peserta kursus membentangkan kertas kerja pameran yang telah ditugaskan kepada setiap kumpulan.



Seramai lebih kurang 64 orang peserta telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia dan agensi lain.

Peserta telah diberikan pendedahan mengenai teknik-teknik penyediaan pameran, merangkumi fabrikasi pameran, penyediaan plan susunatur, plan perspektif, pencahayaan dan pengurusan pameran di galeri muzium.





## STATISTIK PELAWAT KE MUZIUM DI BAWAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA BAGI BULAN JANUARI - MAC 2011

Bil.	Muzium	Pelawat Tempatan	Pelajar Sekolah	Pelawat Luar Negara	Jumlah
1	Muzium Negara (Termasuk Pameran Khas)	44,023	1,020	33,482	78,525
2	Muzium Perak	39,374	2,484	378	42,236
3	Muzium Tekstil Negara	2,369	626	3,725	6,720
4	Muzium Arkeologi Lembah Bujang	28,291	2,106	838	31,235
5	Muzium Arkeologi Lenggong	10,383	2,386	216	12,985
6	Muzium Kota Kayang	4,332	2,083	372	6,787
7	Muzium Labuan	6,831	1,350	647	8,828
8	Muzium Marin Labuan	18,287	1,307	639	20,233
9	Muzium Adat	8,592	1,832	4	10,428
10	Galeria Perdana	9,104	504	4,087	13,695
11	Muzium Sungai Lembing	8,831	1,309	434	10,574
12	Muzium Seni Bina Malaysia	5,601	524	2,413	8,538
13	Muzium Automobil Nasional	2,869	450	1,258	4,577
14	Muzium Etnologi Dunia Melayu	10,053	1,345	55,033	66,431
15	Muzium Lukut	3,290	448	3,949	7,687
16	Muzium Seni Kraf Orang Asli	11,076	800	23,566	35,442
17	Muzium Matang	4,519	658	56	5,233
18	Muzium Chimney	6,311	1,084	625	8,020
19	Muzium Kota Kuala Kedah	11,137	2,223	55	13,415
20	Muzium Kota Johor Lama	2,213	1,236	144	3,593
21	Muzium Alam Semula Jadi	4,953	993	4	5,950
JUMLAH KESELURUHAN PELAWAT HINGGA 31 MAC 2011				<b>401,132</b>	

Fakta :  
Pada tahun 2010, jumlah pelawat Jabatan Muzium Malaysia sebanyak 2,789,628 orang.







# BERITA STAF

## PELANTIKAN BAHARU

### 1. PENEMPATAN PEGAWAI BAHARU

Zanita binti Anuar , Kurator Gred S52 dari Balai Seni Lukis Negara (BSLN) telah ditukarkan ke Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Program 'Cross Fertilization' dan ditugaskan sebagai Pengarah Bahagian Inovasi Muzium, berkuat kuasa mulai 18 Januari 2011.

### 2. PERLANTIKAN PEKERJA KHIDMAT SINGKAT (PKS)

Beberapa orang kakitangan Pekerja Khidmat Singkat (PKS) telah dilantik bagi memenuhi keperluan muzium/bahagian/unit yang tidak mencukupi kakitangan; iaitu:

No.	Nama / Jawatan	Tempoh Perkhidmatan	Penempatan
1	Khairul Nishak binti Harun (Kurator Gred S41 PKS)	1 Mac 2011 hingga 31 Ogos 2011	Muzium Seni Bina Malaysia
2	Nor Hazwani binti Timan (Pembantu Muzium Gred S17 PKS)	1 Mac 2011 hingga 30 September 2011	Muzium Seni Bina Malaysia
3	Zee Zaliana binti Che Rosli (Penolong Kurator Gred S27 PKS)	21 Mac 2011 hingga 20 September 2011	Unit Konservasi
4	Nor Hayati binti Zahari (Penolong Kurator Gred S27 PKS)	1 Mac 2011 hingga 31 Ogos 2011	Unit Konservasi
5	Husnaiza Firdaus binti Hamzah (Penolong Kurator Gred S27 PKS)	1 Mac 2011 hingga 31 Ogos 2011	Unit Konservasi
6	Riza Aidil bin Abd Azis (Pembantu Muzium Gred S17 PKS)	1 Mac 2011 hingga 31 Ogos 2011	Unit Perpustakaan
7	Mohammad Nurhisham bin Ismail (Pembantu Muzium Gred S17 PKS)	1 Mac 2011 hingga 31 Ogos 2011	Unit Perpustakaan
8	Zailiah binti Zainal (Pembantu Muzium Gred S17 PKS)	1 Mac 2011 hingga 31 Ogos 2011	Unit Sumber Media
9	Sofinah binti Jamaludin (Pembantu Muzium Gred S17 PKS)	1 Mac 2011 hingga 31 Ogos 2011	Bahagian Teknologi Maklumat
10	Saharuddin bin Mat Seman (Pembantu Muzium Gred S17 PKS)	7 Mac 2011 hingga 6 September 2011	Muzium Akeologi Lenggong

## BERITA KENAIKAN PANGKAT

### 1. PEMANGKUAN JAWATAN KURATOR GRED S44 KE S48

Samsol bin Sahar - Berkuatkuasa mulai 2.2.2011

### 2. PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG KURATOR GRED S27 KE S32

Masturah binti Mohd Sah - Berkuatkuasa mulai 1.4.2011

Ho Yuh Han @ Nazli - Berkuatkuasa mulai 1.4.2011

### 3. PENANGGUNGAN KERJA

Mohamad Shawali bin Badi, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan menanggung kerja jawatan Pengarah Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat (PPSM) Gred S54 berkuat kuasa mulai 16 Februari 2011.



# ICOM (INTERNATIONAL COUNCIL OF MUSEUMS)

Ditubuhkan pada tahun 1946, International Council of Museums (ICOM) ialah satu-satunya pertubuhan antarabangsa mewakili muzium-muzium dan profesional-profesional muzium pada satu peringkat sejagat. ICOM ialah satu pertubuhan antarabangsa bukan kerajaan yang memelihara hubungan formal dengan UNESCO. ICOM merupakan perunding dalam 'Economy and Social Council' dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

ICOM ialah:

- Satu forum diplomatik yang terdiri daripada wakil dari 137 negara dan wilayah-wilayah.
- Piawaian kecemerlangan untuk muzium-muzium termasuk etika (ICOM Code of Ethics for Museums).
- Satu rangkaian antarabangsa yang unik yang disertai oleh lebih daripada 30,000 profesional muzium seluruh dunia.
- Satu kumpulan pemikir yang terdiri daripada 31 jawatankuasa-jawatankuasa antara bangsa yang mewakili muzium-muzium.

ICOM menganjurkan ratusan program setiap tahun antaranya persidangan antarabangsa, mesyuarat, bengkel dan kursus berkaitan permuziuman. Salah satu program yang berprestij dan disambut oleh muzium-muzium di seluruh dunia termasuk di Malaysia ialah Hari Muzium Antarabangsa.

Setiap tahun sejak tahun 1977, Hari Muzium Antarabangsa (International Museum Day) disambut oleh dunia sekitar 18 Mei. Hari ini merupakan hari masyarakat diberikan kesedaran tentang kepentingan muzium dalam pembangunan masyarakat.

Dr. Hans-Martin Hinz merupakan Presiden ICOM. Beliau telah dipilih untuk memegang jawatan tersebut mulai 12 November 2010 selama tiga tahun semasa Mesyuarat Agung ICOM di Shanghai, China. Tugas utama Presiden ICOM ialah memastikan kesinambungan polisi ICOM dan mewakili ICOM dalam perjumpaan dengan pihak luar. Sekretariat ICOM berpusat di UNESCO House, Paris, Perancis.

---

Takrif Muzium menurut ICOM Statutes, yang dipetik semasa Persidangan Agung ke-21 di Vienna, Austria, pada tahun 2007 seperti yang berikut :

Muzium ialah sebuah institusi kekal yang tidak mementingkan keuntungan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan pembangunannya, dibuka kepada orang ramai, berfungsi memperoleh, memelihara, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan warisan ketara dan tidak ketara bagi tujuan pendidikan, kajian dan hiburan.

*[A museum is a non-profit, permanent institution in the service of society and its development, open to the public, which acquires, conserves, researches, communicates and exhibits the tangible and intangible heritage of humanity and its environment for the purposes of education, study and enjoyment.]*

Takrif ini ialah suatu rujukan dalam konteks antarabangsa.



# KOLEKSI MUZIUM



## CELEPA DIRAJA TERENGGANU

Celepa emas bersepuh milik asal keluarga diraja Terengganu. Buatan tukang Melayu yang sangat halus. Dibentuk bersegi 10 dengan berjenis ukiran daun sulur dan bijirin emas. Di tengahnya diukir bentuk sekuntum bunga bertatah permata delima merah dan dipagari dengan permata kaca, juga berwarna merah. Bertarikh sekitar abad ke-18. Seberat 251.2 gram, ia telah disenaraikan dalam Daftar Warisan Kebangsaan Tahun 2009 pada 14 Februari 2009 di bawah kategori Objek Warisan Ketara. Koleksi ini dipamerkan di Galeri Ratna Sari, Muzium Tekstil Negara.

## ROYAL TERENGGANU TOBACCO BOX

*This gold tobacco box belonging to the Terengganu royal family is of an excellent workmanship of a Malay craftsman. It is made in the shape of a ten pointed star and is intricately engraved and decorated with fine filigree work with floral motifs. In the middle bears a flowing design and inlaid with a ruby red stone and bordering it is a red glass stones. It is studded with clear gemstones and gold granules. Dated circa 18th century and weighing 251.2 grams, it was listed under the National Heritage List in 14th February 2009 under the Tangible Heritage Object. The collection is displayed at Gallery Ratna Sari, National Textile Museum.*



## PENDING


Pending buatan tukang Melayu diperbuat daripada emas padu. Permukaannya diukir timbul pintalan tali dan bijirin emas bermotifkan bunga kiambang dan sulur. Permukaan pending ditatah permata pelbagai warna. Alat kebesaran raja yang berasal dari Kelantan abad ke-18. Seberat 334.7 gram, ia telah disenaraikan di dalam Daftar Warisan Kebangsaan Tahun 2009 pada 14 Februari 2009 di bawah kategori Objek Warisan Ketara. Koleksi ini dipamerkan di Galeri Ratna Sari, Muzium Tekstil Negara.

## BUCKLE

*A solid gold Malay workmanship belt buckle featuring an embossed lotus flower design of twisted gold wire and granules. The whole of buckle are studded with hued gemstones. This is the regalia of the Kelantan's royalty circa 18 century. Weighing 334.7 grams it was listed under the National Heritage List in 14th February 2009 under the Tangible Heritage Object. The collection is displayed at Gallery Ratna Sari, National Textile Museum.*



# Resensi Buku



## GUA-GUA BATU KAPUR DI MALAYSIA DALAM PERSPEKTIF ARKEOLOGI

Zulkifli Jaafar

Kuala Lumpur : Jabatan Muzium Malaysia, 2003.

232 ms.

ISBN: 967-9935-25-6

RM 150.00

Bukit-bukit dan gua batu kapur yang terdapat di Malaysia selain memaparkan keindahan pandangan darat alam semula jadinya yang menakjubkan dengan pelbagai bentuk karst, flora dan fauna, aliran sungai dan terowong yang terjadi sejak jutaan tahun yang lalu, di dalamnya juga tersembunyi khazanah kehidupan dan budaya manusia yang tidak ternilai harganya. Ahli arkeologi melalui ekskavasinya menemui bukti bahawa gua-gua batu kapur ini semenjak jutaan tahun yang lalu menjadi tempat penginapan mahupun persinggahan manusia.

Tumpuan utama buku ini ialah pembentukan bukit-bukit dan gua batu kapur yang terdapat di pantai timur Semenanjung Malaysia iaitu negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Buku ini dibahagikan kepada 5 bab. Bab pertama menerangkan tentang bukit-bukit dan gua-gua batu kapur di Semenanjung Malaysia; bab kedua pula merungkai apa itu arkeologi batu kapur; bab ketiga tertumpu kepada gua-gua batu kapur di Pahang; bab keempat pula memberikan maklumat tentang gua-gua batu kapur di Terengganu; dan bab terakhir iaitu bab kelima membawa pembaca menerokai gua-gua batu kapur di Kelantan.

Buku ini sesuai dibaca oleh semua golongan usia dan pencinta arkeologi serta dapat menjadi pemangkin dalam pengurusan bukit batu kapur agar lebih cekap dan profesional supaya warisan negara yang penting ini dapat diwarisi oleh generasi akan datang.



## BUTTERFLIES: SELECTED COLLECTIONS FROM H.R.M STOREY

Farizawati Sabri dan Nur Azura Adam

Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia, 2007

320 ms.

ISBN: 978-967-9935-83-7

RM 180.00

Buku ini menghimpunkan gambar rama-rama yang dimiliki oleh mendiang H.R.M Storey yang diperoleh di Cameron Highlands. Pengisian teks dalam versi Bahasa Inggeris sahaja. H.R.M Storey ialah bekas pegawai tentera British yang tinggal di Malaysia selama beberapa tahun. Beliau telah memelihara dan menyelidiki kupu-kupu Semenanjung Malaysia. Selepas beliau meninggal dunia, anak saudara beliau telah menghubungi Jabatan Muzium Malaysia untuk menyerahkan koleksi berharganya, iaitu 1,062 spesies kupu-kupu di Semenanjung Malaysia termasuk dua spesies baharu yang dinamai *Deramas basril* dan *Poritia ibrahimli* untuk rujukan dan penyelidikan. Penerbitan katalog ini merupakan satu usaha untuk mempamerkan dan menyediakan maklumat kepada penggemar kupu-kupu dan supaya masyarakat tahu tentang kewujudan koleksi kupu-kupu di Muzium Alam Semula Jadi.

Buku ini boleh didapati di Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur. Untuk membuat pesanan melalui telefon, sila hubungi : (+603) 2282-6255 atau melalui laman sesawang JMM.



# Kenali Muzium

## Muzium Negara

[www.muziumnegara.gov.my](http://www.muziumnegara.gov.my)



Idea penubuhan Muzium Negara telah dicetuskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, Perdana Menteri Malaysia Pertama (Persekutuan Tanah Melayu ketika itu). Kerja pembangunannya telah dimulakan pada tahun 1959 dan siap sepenuhnya pada 31 Ogos 1963. Upacara perasmianya telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong III, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al Marhum Syed Hassan Jamalullail. Seni bina Muzium ini telah menggabungkan reka bentuk istana Melayu tradisional dihiasi motif Melayu. Dinding hadapannya turut dihiasi dua buah mural yang diperbuat daripada kaca mozek Itali yang memaparkan rentetan sejarah dan kebudayaan Melayu. Reka bentuk bangunan Muzium Negara bercirikan elemen estetik dan ukiran bangunan istana Melayu tradisional. Reka bentuk yang tersergam indah ini dipilih oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Seni bina bangunan Muzium Negara disokong oleh 26 batang tiang konkrit yang telah diubah suai bagi mengekalkan ciri-ciri istana Melayu tradisional. Konsep 26 batang tiang ini berdasarkan kepada gabungan 13 tiang yang terdapat di bahagian timur dan 13 tiang lagi di bahagian barat bangunan, yakni melambangkan Malaysia dibentuk daripada 13 buah negeri.

Pengurusan Muzium Negara kini dikendalikan oleh Jabatan Muzium Malaysia di bawah portfolio Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia dan kini diketuai oleh Encik Kamarul Baharin Bin A. Kasim, Pengarah Muzium Negara. Muzium Negara dibuka setiap hari mulai jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Harga tiket bagi pelawat dewasa ialah RM2.00. Muzium Negara merupakan muzium termasyhur di Malaysia dan juga salah sebuah muzium yang terlung di Asia Tenggara.



Galeri A : Sejarah Awal



Lobi Muzium Negara



Galeri C : Era Kolonial



Galeri B: Kerajaan-kerajaan Melayu



Muzium Negara



Galeri D : Malaysia Kini





# Muzium-muzium di bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



MUZIUM NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT,  
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK,  
TAIPING, PERAK



GALERIA PERDANA,  
LANGKAUI



MUZIUM MATANG,  
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI  
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,  
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,  
LABUAN



MUZIUM ARKEOLOGI LENGGONG,  
PERAK



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,  
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,  
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,  
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,  
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,  
JOHOR



MUZIUM LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN,  
LABUAN



MUZIUM LUKUT,  
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,  
PUTRAJAYA

KUNJUNGILAH  
MUZIUM